



TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**SEMPENA MAJLIS PERASMIAN
KEM INTEGRASI PERINTAH KHIDMAT MASYARAKAT PERINGKAT
KEBANGSAAN 2016
FELDA KEMAHANG TIGA,
TANAH MERAH, KELANTAN.**

PADA 6 OKTOBER 2016 (KHAMIS)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera. Salam Satu Malaysia.

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya dapat kita semua hadir dan berkumpul di Dewan Semai Bakti, FELDA Kemahang Tiga, Tanah Merah, Kelantan bersempena dengan Majlis Perasmian Penutup Kem Integrasi Perintah Khidmat Masyarakat Peringkat Kebangsaan 2016.
2. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan Majlis Perasmian Penutup Kem Integrasi Perintah Khidmat Masyarakat Peringkat Kebangsaan 2016 ini. Saya juga ingin merakamkan rasa sukacita dan berbesar hati kepada Pengurusan FELDA Wilayah Timur khususnya FELDA Kemahang Tiga, Tanah Merah, Kelantan di atas kesudian menjadi tuan rumah bagi program ini serta agensi strategik lain yang turut terlibat dalam menjayakan program ini. Kesungguhan dan komitmen semua pihak dalam menyokong usaha-usaha dan program-program yang dilaksanakan oleh agensi dan Jabatan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat amat saya hargai.

3. Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada JKM di atas kejayaan penganjuran Kem Integrasi Perintah Khidmat Masyarakat Peringkat Kebangsaan 2016. Saya difahamkan Kem Integrasi ini merupakan penganjuran kali ke-3 sejak perkhidmatan Perintah Khidmat Masyarakat diperkenalkan pada tahun 2008 dan kini telah menjadi program kebangsaan tahunan bagi pelatih Perintah Khidmat Masyarakat.

MEREALISASIKAN ELEMEN PEMULIHAN DAN PENGINTEGRASIAN

Dato'-Dato'/Datin-Datin/Tuan-Tuan/Puan-Puan,

4. Saya dimaklumkan matlamat utama penganjuran Kem Integrasi ini adalah melaksanakan Perintah Khidmat Masyarakat sebanyak 24 agregat jam kepada pesalah muda yang dijatuhkan hukuman Perintah Khidmat Masyarakat oleh mahkamah. Intipati utama Kem Integrasi ini adalah untuk merealisasikan elemen pemulihan dan pengintegrasian kepada pesalah muda dengan harapan setelah tamat menjalani hukuman, mereka tidak akan mengulangi kembali kesalahan jenayah lampau dan bersedia untuk kembali ke pangkuan masyarakat dengan menjadi insan yang lebih positif.
5. Apat dilihat bahawa Kem Integrasi ini adalah untuk memberi kesedaran kepada Pelatih Perintah Khidmat Masyarakat dari segi keperibadian ke arah perubahan sahsiah diri yang positif hasil daripada program yang digemblengkan bersama masyarakat.

6. Program sebegini turut membuka peluang kepada peserta menunjukkan bahawa potensi mereka sebagai ahli masyarakat yang memiliki impian untuk memperbaiki diri dan berusaha ke arah kehidupan yang lebih produktif boleh dikembangkan untuk menjadi manusia berguna di masa depan. Pengisian program yang sarat dengan suntikan elemen integrasi, inter-generasi, kesukarelawan, kesukanan serta kebudayaan bersama masyarakat tanpa mengira latar belakang, usia dan warna kulit adalah platform yang bertepatan dalam memupuk sikap saling penerimaan di antara kita.
7. Tambahan pula dengan usia para peserta yang masih muda belia, pasti terlalu banyak impian yang disandarkan kepada peserta untuk berjaya menjadi sandaran keluarga sendiri, masyarakat sekeliling dan seterusnya bangsa. Adalah diharapkan pengalaman manis mahupun pahit ketika menyertai kem ini dapat memberi pengajaran bermakna serta tauladan kepada peserta untuk diamalkan dalam kehidupan seharian kelak.

PEMERKASAAN DAN PENGINTEGRASIAN PESALAH MUDA

8. Saya difahamkan, Jabatan Kebajikan Masyarakat melalui Bahagian Perintah Khidmat Masyarakat telah menyusun strategik yang terperinci dalam usaha mencapai matlamat menyediakan perkhidmatan pemulihan kepada pesalah muda yang dijatuhkan Perintah Khidmat Masyarakat secara cekap dan berkesan. Program Kem Integrasi ini merupakan kemuncak kepada 67 program pemulihan yang disusun sepanjang tahun 2016 di bawah pelan

intervensi sosial Perintah Khidmat Masyarakat. Program-program disusun berteraskan kepada tiga elemen iaitu hukuman, pemulihan dan penginsafan seperti Program Kerjaya, Program Keibubapaan, Program Sehari Bersama Masyarakat, dan Kem Kerohanian.

9. Berdasarkan dapatan penilaian Program Kem Jati Diri dan Kem Kerohanian yang diadakan pada tahun 2016 di peringkat kebangsaan mendapati lebih 80 peratus peserta yang pada awalnya kurang berminat untuk memperbaiki diri telah mengubah persepsi mereka selepas tamat program tersebut. Penilaian selepas program tersebut mendapati 70 peratus peserta bersetuju bahawa program yang diikuti telah menyumbang sesuatu yang positif terhadap diri mereka.
10. Ini memberi gambaran bahawa terdapat impak yang positif hasil pelan intervensi sosial yang terancang dalam usaha memberi perkhidmatan pemulihan yang terbaik kepada pesalah muda. Saya berharap di masa akan datang akan ada lebih banyak lagi program seumpama ini diadakan untuk golongan belia yang boleh kita kategorikan sebagai berisiko ini agar masyarakat di sekeliling lebih mudah menerima serta memberi peluang kedua kepada golongan yang pernah tersasar.

PERANCANGAN MASA DEPAN PROGRAM CSO

Dato'-Dato'/Datin-Datin/Tuan-Tuan/Puan-Puan,

11. Suka saya maklumkan bahawa berdasarkan maklumat perangkaan didapati terdapat seramai 4,359 pesalah muda yang telah dijatuhi hukuman Perintah Khidmat Masyarakat dan daripada jumlah tersebut seramai 3,084 telah berjaya tamat dengan jayanya. Bagi memastikan masa depan pesalah muda yang telah tamat ini, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah memperkenalkan satu inisiatif baharu selaras dengan saranan YAB Perdana Menteri di dalam RMK-11 iaitu memberi fokus utama ke arah pertumbuhan inklusif rakyat.
12. Melalui bantuan Geran Pelancaran, JKM memperkukuh hala tuju ini dengan menyuntik elemen *after care* kepada pelatih yang telah tamat menjalani perintah dengan memperkenalkan program peningkatan taraf pekerjaan, kemahiran dan ekonomi kepada bekas pelatih PKM pada tahun 2015.
13. Program ini mampu memberi sokongan kepada bekas pelatih dan boleh mendatangkan *outcome* kepada diri mereka serta keluarga seperti keusahawanan, pertanian, perladangan, mengikuti kursus kemahiran atau menyambung pelajaran.
14. Usaha murni ini telah menunjukkan perkembangan yang positif di mana pada tahun 2016 sebanyak 45 projek ekonomi dan keusahawanan yang disasarkan kepada bekas pelatih mula membuahkan hasil. Setakat bulan Julai 2016, sebanyak 35 Geran Pelancaran telah disalurkan bagi membantu bekas pelatih PKM untuk menjayakan pelbagai aktiviti keusahawanan seperti projek menternak

kambing, madu kelulut, itik daging, perniagaan *burger*, donut, *coconut shake*, fotografi, perniagaan online, gunting rambut dan bengkel motorsikal. Saya amat yakin dan percaya bahawa dengan adanya inisiatif sebegini, belia kita akan dapat memulakan kehidupan baru yang lebih bermanfaat kepada diri sendiri, keluarga dan masyarakat.

KEBERKESANAN PROGRAM PERINTAH KHIDMAT MASYARAKAT

Dato'-Dato'/Datin-Datin/Tuan-Tuan/Puan-Puan,

15. Hasil semakan yang dibuat ke atas 1,283 bekas Pelatih Perintah Khidmat Masyarakat yang telah tamat hukuman, melalui kajian yang dijalankan oleh Universiti Utara Malaysia (UUM), lebih 90 peratus pelatih dan bekas pelatih bersetuju bahawa program Perintah Khidmat Masyarakat telah memberi peluang kepada pesalah muda memperbaiki diri daripada terjerumus semula kepada masalah yang melibatkan kesalahan perundangan dan memberi input penting kepada pesalah muda dalam membentuk jati diri dan menyemai nilai-nilai murni.

CSO DALAM AKTA KANAK-KANAK PINDAAN 2016

16. Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016 telah pun diluluskan dan diwartakan di Parlimen pada 25 Julai 2016 merangkumi 4 kandungan utama iaitu daftar kanak-kanak, penjagaan berasaskan keluarga, kenaikan penalty serta perintah khidmat masyarakat.

17. Perintah khidmat masyarakat diperkenalkan sebagai satu hukuman berkonsepkan program pemulihan sosial melalui pendekatan pembentukan semula tingkahlaku dengan disertakan kemahiran untuk mengelakkan pengulangan kesalahan dan membentuk semula tingkah laku individu.
18. Pelaksanaan khidmat masyarakat di bawah akta yang baru dipinda ini serba sedikit adalah ekoran daripada keberkesanan yang telah ditunjukkan dalam pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat terhadap pesalah muda yang mula diperkenalkan pada tahun 2008.

PENUTUP

19. Saya sekali lagi ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada FELDA Kemahang Tiga serta Agensi-agensi Persekutuan dan Negeri yang terlibat dalam menjayakan program ini.
20. Dengan lafaz Bismillahirrahmaanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Kem Integrasi Perintah Khidmat Masyarakat Peringkat Kebangsaan 2016.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum W.B.T.